

10 OCT 2000

Aziz-Guru

GURU HASUT MURID AKAN DISINGKIR, ABDUL AZIZ

MELAKA, 10 Okt (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan mencadangkan supaya tindakan disiplin yang lebih tegas dikenakan terhadap guru yang menjalankan kegiatan menghasut dan meracuni pemikiran murid dengan persoalan politik dan juga membenci kerajaan.

Timbalan Menteri Datuk Abdul Aziz Shamsuddin berkata Suruhanjaya Perkhidmatan Perguruan (SPP) akan dicadangkan supaya menggantung atau menyingkirkan guru sedemikian kerana tindakan pertukaran sekolah didapati tidak berkesan.

"Kita belum pernah buang guru kerana kerajaan prihatin tetapi orang ambil kesempatan di atas kelembutan kita dan saya akan cadangkan bahawa perbuatan ini tidak boleh dimaafkan lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah ke-5 Kolej Yayasan Saad di sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas mengenai kes seorang guru di sebuah sekolah menengah di sini yang dilaporkan menghasut murid supaya membenci kerajaan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, tindakan menukarkan guru seperti itu ke tempat lain tidak berkesan kerana mereka didapati meneruskan perbuatan yang sama di tempat yang baru walaupun apabila ditukarkan ke Sabah atau Sarawak.

"Kita tukar tetapi mungkin mereka rasa besar kepala...dia kata apa yang boleh buat lagi, oleh itu kita akan ambil tindakan lebih daripada itu dengan menggantung pekerjaan," katanya.

Beliau memberi amaran bahawa jika guru seperti itu tidak berubah, SPP akan dituntut supaya menyingkirkan mereka.

"Mereka tidak layak jadi guru malah mereka bahayakan negara dan boleh digolong sebagai pengkhianat kepada bangsa dan negara...kita tidak boleh berlembut kerana ia akan bertambah besar," katanya.

Beliau meminta SPP mengkaji isu tersebut dan membuat penilaian jika ia membahayakan negara supaya tindakan lebih tegas diambil.

"Kita akan pulangkan kepada SPP supaya membuat kajian untuk ambil tindakan sewajarnya...bukan sahaja menukar kerana perbuatan seperti itu sudah melampau sekarang ini," katanya.

Beliau turut menyifatkan golongan guru itu sebagai mereka yang tidak mengenang budi kerana mengambil rezeki daripada kerajaan tetapi berusaha merosakkan negara.

Katanya, kementerian menerima laporan antara 10 hingga 20 kes guru seperti itu di seluruh negara dan siasatan rapi akan dijalankan supaya tidak ada guru yang menjadi mangsa.

Walaupun hanya satu atau dua kes, tindakan tegas bagi mengawalinya perlu diambil supaya ia tidak merebak, kata beliau.

-- BERNAMA

MOZ AKD